# BORANG PERMOHONAN SARINGAN AWAL PROGRAM AKADEMIK BAHARU

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| **1.** | **Institusi Pengajian Tinggi** | UNIVERSITI UTARA MALAYSIA |
| **2.** | **Program Akademik Yang Dipohon** | (i) Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Kewartawanan Multimedia *Master of Science in Multimedia Journalism Management – MSc. MJM*<br><br>(ii) Tiada keperluan diiktiraf oleh mana-mana Badan Profesional. |
| **3.** | **Bidang Tujahan IPT** | (i) Bidang tujahan utama Universiti Utara Malaysia ialah Pengurusan.<br><br>(ii) Objektif program sarjana dalam bidang kewartawanan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar, kemahiran dalam kedua-dua kewartawanan multimedia dan disiplin pengurusan bagi membolehkan mereka mewujudkan sinergi antara kedua-dua yang kemudiannya boleh digunakan dalam amalan harian pelajar. |
| **4.** | **Entiti Akademik Yang Memohon** | Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Kolej Sastera dan Sains, UUM.<br><br>Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) ditubuhkan pada Julai 2011 di bawah pentadbiran Kolej Sastera dan Sains. Pusat pengajian ini merangkumi bidang pengajian multimedia, teknologi media dan komunikasi. Sehingga kini, SMMTC menawarkan empat program peringkat sarjana muda dan lima program pasca siswazah merangkumi peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. |
| **5.** | **Sesi Pengajian Program Akademik Dimulakan** | Berdasarkan kepada sumber tenaga akademik dan mengambilkira segala peraturan dan keperluan yang perlu dipenuhi, pihak Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi yakin program ini boleh dimulakan pada Semester Pertama Sesi 2015/2016 (September 2015). |
| **6.** | **Jangka Masa Pengajian Dan Kaedah Penyampaian** | (i) Program ini dikendalikan secara sepenuh masa dan separuh masa. Jangkamasa pengajian bergantung kepada mod pengajian yang ditetapkan. Terdapat TIGA (3) mod pengajian iaitu secara kerja kursus (baharu), campuran (baharu) dan penyelidikan (sedia ada).<br><br>(ii) Tempoh minimum pengajian untuk mod secara sepenuh masa ialah TIGA (3) semester manakala tempoh maksimum pengajian untuk memperoleh ijazah ialah ENAM (6) semester.<br><br>(iii) Bagi pengajian mod secara separuh masa, tempoh minimum ialah EMPAT (4) semester manakala tempoh maksimum yang |

CONTOH

| | | |
|---|---|---|
| | | diberikan untuk memperolehi ijazah ialah SEPULUH (10) semester.<br><br>(iv) Bagi kaedah pengajian secara kerja kursus, pelajar akan mengambil sebanyak SEMBILAN (9) kursus (bersamaan 29 jam kredit) yang akan dikendalikan oleh pensyarah dan SATU projek penyelidikan (bersamaan 12 jam kredit) yang akan diselia oleh seorang atau dua orang penyelia dalam kalangan staf akademik yang dilantik sebagai penyelia pelajar.<br><br>(v) Bagi kaedah pengajian secara kerja campuran (melibatkan kerja kursus dan disertasi), pelajar akan mengambil sebanyak EMPAT (4) kursus (bersamaan 13 jam kredit) yang akan dikendalikan oleh pensyarah dan SATU disertasi (bersamaan 36 jam kredit) yang akan diselia oleh seorang atau dua orang penyelia dalam kalangan staf akademik yang dilantik sebagai penyelia pelajar.<br><br>(vi) Kaedah penyampaian pula meliputi kuliah, tutorial, amali dan sesi pembelajaran berpusatkan pelajar. Sesi pembelajaran atas talian dilaksanakan oleh kursus-kursus tertentu menurut peratus jam pembelajaran yang telah ditetapkan. |
| **7.** | **Justifikasi Mengadakan Program Akademik** | Justifikasi mengadakan program akademik adalah seperti berikut:<br><br>(i) Keperluan tenaga manusia Negara<br><br>a. Unjuran statistik keperluan tenaga manusia.<br><br>Perkembangan dan perubahan teknologi komputeran dan industri kreatif negara mewujudkan peluang guna tenaga kewartawanan multimedia lebih-lebih lagi dengan perkembangan inovasi sistem dan aplikasi yang pelbagai dalam industri media. Justeru, program ini adalah suatu sinergi gabungan kepengurusan dan kepakaran teknikal untuk menyantuni kehendak industri dan aspirasi negara.<br><br>Berdasarkan Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 oleh Kementerian Sumber Manusia (2008), sumber manusia mahir mengikut bidang berkaitan program yang dipohon menunjukkan peningkatan dari segi keperluan. Misalnya, dianggarkan hanya 34,000 keperluan pekerjaan dalam industri ICT dan industry lain bagi tahun 2006-2007, tetapi pada tahun 2020, sumber manusia yang diperlukan oleh industri-industri berkenaan adalah 149,035. Ini membuktikan bahawa program yang dipohon adalah amat relevan dan bertepatan dengan dasar sumber manusia negara. |

CONTOH

| KUMPULAN INDUSTRI | 2006-2007 | 2008-2010 | 2011-2013 | 2014-2017 | 2018-2020 |
|---|---|---|---|---|---|
| Teknologi Telekomunikasi & Maklumat | 25,500 | 33,150 | 43,095 | 56,024 | 84,035 |
| Industri-industri lain | 8,500 | 20,000 | 40,000 | 55,000 | 65,000 |
| **JUMLAH** | **34,000** | **53,150** | **83,095** | **111,024** | **149,035** |

**Data diambil dari Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 oleh Kementerian Sumber Manusia (2008)*

b. Jenis pekerjaan yang berkaitan

- Pengeluar Multimedia
- Anchor / wartawan Multimedia
- Wartawan Multimedia
- Pengendali Video Lab
- Pengeluar Kandungan
- Pakar Pengeluar Komuniti
- Kandungan Web
- Wartawan Video
- Wartawan Berita Multimedia
- Editor Tugasan
- Photographer / Videographer Prep Sukan
- Wartawan foto / MMJ Videographer / Editor Video

c. Bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan akademik program ini.

- Organisasi Media
- Organisasi Penyelidikan
- Perhubungan awam
- Kerja akhbar
- Pengiklanan
- Penyelidikan multimedia dan pembangunan web teknikal
- Pusat penyiaran antarabangsa dan kebangsaan dan berita tempatan
- Akhbar nasional dan tempatan
- Majalah kebangsaan
- Editor kandungan dalam talian
- Pengeluar berita Multimedia
- Pengurus media sosial
- Wartawan di agensi-agensi berita utama antarabangsa
- Editor Web , pengeluar, wartawan dan pemaju digital
- Editor Majalah
- Wartawan multimedia kebangsaan dalam agensi berita
- Pengiklanan kreatif Online
- Kandungan editor di portal berita antarabangsa
- *Freelancer* dalam berita dan teknologi laman web, agensi

| | | |
|---|---|---|
| | | berita dan lain-lain<br>• Perhubungan Awam Antarabangsa dan tempatan<br>• Pegawai media; *speechwriting* politik<br>• Pemberita televisyen antarabangsa<br>• Digital Media Eksekutif, Pengurus Kandungan<br><br>d. Keperluan pasaran (sila lihat **Kertas Cadangan Penawaran, Lampiran 1**). |
| **8.** | **Analisis Keperluan** | (i) Tiada keperluan badan professional.<br><br>(ii) Dari segi **perjawatan**,kakitangan akademik dan sokongan sedia ada, serta dalam Perancangan pengambilan mampu menyokong penawaran program ini untuk sepanjang tahun pengajian. Senarai lengkap kakitangan akademik sedia ada boleh dirujuk di dokumen **Kertas Cadangan Penawaran, Lampiran 6**. |

<u>Kakitangan sedia ada</u>

| Jawatan | Tempatan | | Asing | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | Aktif | Tidak aktif | | |
| Profesor | 2 | - | - | 2 |
| Profesor Madya | 3 | 1 | - | 4 |
| Profesor Madya Pelawat | - | - | 1 | 1 |
| Pensyarah Kanan | 22 | 2 | - | 24 |
| Pensyarah Kanan Pelawat | - | - | 3 | 3 |
| Pensyarah Kanan Kontrak | 1 | - | - | 1 |
| Pensyarah | 17 | 9 | - | 26 |
| Pensyarah Kontrak | 3 | - | - | 3 |
| Tutor | 10 | 13 | - | 23 |
| **JUMLAH** | **58** | **25** | **4** | **87** |

<u>Kakitangan yang diperlukan</u>

| Jawatan | Tempatan | Asing | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Profesor | 1 | 1 | 2 |
| Profesor Madya | 1 | 1 | 2 |
| Profesor Madya Pelawat | 1 | 1 | 2 |
| Pensyarah Kanan | 2 | 1 | 3 |
| Pensyarah Kanan Pelawat | 1 | 1 | 2 |
| Pensyarah Kanan Kontrak | 1 | - | 1 |
| Pensyarah | 1 | - | 1 |
| Pensyarah Kontrak | 1 | - | 1 |
| Tutor | 3 | - | 3 |
| **JUMLAH** | **12** | **5** | **17** |

CONFIDENTIAL

| | | |
|---|---|---|
| | | (iii) Untuk **keperluan fizikal**, kemudahan-kemudahan fizikal/makmal/peralatan di Pusat Pengajian yang sedia ada mampu menampung kurikulum sepanjang tahun pengajian. Kemudahan fizikal dan kos sewaan juga perlu disediakan bagi pusat pembelajaran UUMKL apabila program ditawarkan di kampus tersebut.<br><br>(iv) Untuk **keperluan kewangan**, peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus yang akan dirancang perlu menampung keperluan penawaran program ini. Perincian peruntukan dijangka memerlukan pertambahan, namun bukan mendesak pada masa ini.<br><br>(v) Bagi menentukan **kelestarian program**, ia dibangunkan untuk memfokus kepada membangunkan kemahiran teknikal beserta kepengurusanan. Justeru, program ini dijangka dapat bertahan di pasaran selagi mana industri kreatif multimedia negara mampu menyumbang kepada ekonomi negara. Berdasarkan trend industri ini yang berkembang pesat, program ini mampu bertahan di pasaran untuk suatu jangka masa yang lama. |

CONTOH